



7,000 PENDUDUK MEMERIAHKAN SUASANA



DESTINASI BARU PENDARATAN PENYU


PENDARATAN penyu yang meningkat di Pantai Ma Daerah di Kerle, Kemaman menjadikan pantai terbabit kini semakin popular sebagaimana kegemilangan pantai Rantau Abang Dungun, suatu ketika dahulu.

Oleh yang demikian, kerajaan negeri akan menjadikan Pusat Santri Penyu di Kerteh itu sebagai destinasi baharu bagi pelancong yang ingin melihat penyu bertelur.

Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu, Zainal Abidin Husin, berkata pusat terbabit sesuai bagi tujuan itu berikutan pendaratan penyu yang meningkat setiap tahun.

Kalanya, sebanyak 230 penyu agar dan lipas mendarat di lokasi itu sepanjang Mei hingga Julai tahun ini, berbanding 203 pendaratan bagi tempoh Mei hingga September tahun lalu.

"Berdasarkan perkembangan positif ini, kita dapat pantai itu sesuai bagi memberi peluang kepada pelancong melihat penyu



bertelur secara lebih dekat," katanya ketika melepaskan anak penyu di pantai terbabit.

Tunut hadir, Setiausaha Majlis Perbandaran Kemaman, Anuar Awang dan Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Perbandaran Dungun, Mohd Adzhar Mohd Zahari.

Zainal Abidin berkata, pihaknya berbincang dengan Jabatan Perikanan, pengusaha hotel dan agensi pelancongan bagi merealisasikan hasrat itu.

"Setiap malam, tiga hingga lima ekor penyu mendarat di pantai ini dan pelancong turut berpeluang melihat kakitangan Jabatan Perikanan menggeramkan telur penyu," katanya.

Zainal Abidin berkata, bagaimanapun pihaknya berharap agar pihak Jabatan Perikanan dapat menghadkan jumlah pengunjung kerana bimbang boleh mengganggu penyu bertelur.

"Kehadiran pengunjung perlu dikawal kerana kita bimbang penyu akan merajuk dan tidak mahu lagi ke pantai itu," katanya. - Oleh Mohd Adzhar Mohd Zahari

HARGAI KAKITANGAN BERTUGAS MALAM RAYA

YANG Dipertua Majlis Perbandaran Dungun, A. Rahman Che Ali menyampaikan hamper kepada pemimpin lori kompektor, anggota Unit Tindakan Khas serta Pembantu Kesihatan Awam yang menjalankan tugas di malam raya bagi memastikan kerja kumpulan sampah berjalan dengan lancar.


A. Rahman berkata, beliau gembira kakitangan yang bertugas pada malam raya setiap tahun dapat menyempurnakan tugas dengan cemerlang.

"Saya sangat gembira apabila kalian semua dapat menjalankan tugas dengan sempurna sehingga tiada sebarang aduan berhubung sampah yang tidak diangkat oleh orang awam. Malah saya sangat bangga apabila tugas anda semua mendapat puji dari penduduk," katanya.

Katanya, tugas yang dilaksanakan kakitangan di Jabatan Kesihatan MPD itu merupakan satu ibadah dan diberkati.

"Tugas kalian semua bukanlah satu tugas yang hina, tugas bergelumbang dengan sampah merupakan tugas yang dimulakan di sisi Allah," katanya. - Oleh Nora Othman





ERTI MUAFAKAT TERJALIN DI SINI

Oleh : Zubir Mamat

PROGRAM golong royong membersih Pulau Tenggol bukan saja berjaya mengindahkan pulau peranginan itu sekaligus menjalinkan hubungan ukhwah 50 kakitangan Majlis Perbandaran Dungun yang menyertainya.

Program dicetuskan Setiausaha MPD, Mohd Iskandar Muhammad Aziz itu bagaikan satu keluarga dan dalam tempoh tiga jam, pantai sepanjang dua kilometer itu berjaya dibersihkan sepenuhnya.

Biarpun keletihan dilambung ombak laut cina selatan sepanjang satu jam perjalanan menaiki empat buah bot serta bertungkus lumus membersih pantai terbabit dengan dipanahi cahaya matahari yang terik namun keseronokan jelas terpancar di kalangan kakitangan kami.

Saranan Yang Dipertua MPD, A Rahman Che Ali membina khemah dan tidur beramai-ramai di dalam khemah berlantaikan pasir yang memutih mengamitkan lagi nostalgia di zaman kanak-kanak.

Kerjasama daripada rakan media, Nasif Badaruddin dan Imran Makhzan serta anggota Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM), Bomba, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), pengusaha bot nelayan, Abd Ghani Mohamad dan Pengurus Coral Beach Resort sangat dihargai kerana turut serta menjayakan golong-royong terbabit.

Sebaik selesai mengerjakan solat maghrib dan isyak, Yang Dipertua mula 'menepuk tangan' sebagai isyarat pelbagai juadah makan malam kami berserta BBQ telah mula disediakan dikalangan kakitangan wanita sebelum masing-masing yang kekenyangan mencari khemah dan melelapkan mata.

Keesokan harinya, masing-masing tidak sabar untuk terjun ke laut untuk menikmati kesejukan air laut sambil bersnokling menghayati keindahan balu karang yang melambai mesra seolah-olah menghargai kunjungan kami semua.





Selamat Pengantin Baru

WARGA Majlis Perbandaran Dungun (MPD), mengucapkan tahniah kepada kakitangan yang melangsungkan perkahwinan baru-baru ini.

1. Khairul Izhan Muhammad & Nor Kasmili Saad.
2. Mohd Sharifuddin Yusof & Nur Farahim Aziz.
3. Zaidi Bin Mohd Noor & Azura Ahmad @ Abdullah
4. Mohd Halil Rameli & Nik Noor Azira Nik Kana.
5. Mohd Amirul Mohd Zain & Mirah Ali.
6. Fauzi Izairen Razali & Nur Aryanti Kamaruzaman.
7. Mohd Fahmi Sulaiman & Nursuhada Mohd Rozi.
8. Ahmad Shafuan Mohamad & Marjan Nadwa Mohamed.
9. Norafini Norwen & Suhaidy Bin Untong.



Tahniah juga kepada kakitangan yang menerima menantu.

10. Pegawai Keselamatan Persekutuan, Abdul Rashad Jusoh dan isteri Che Zamzah Ngah gembira selepas anak mereka Farhana Abdul Rashad berlompat jodoh dengan teruna pujaan hatinya, Mohd Firdaus Yussuf.

11. Pasangan Roslan Ismail Fauzi dan Naimah Mustaffa turut gembira menerima menantu selepas anaknya Nurul Syazwani Roslan selamat diliab kabul dengan Azli Syahmi Mohd Ehsan.- Oleh Nora Othman dan Yati Abdul Rahman

Selamat Datang KAKITANGAN BARU



Dari Kiri : Harun Ali (Penolong Jurutera), Roymi Safuan Jamaludin Sabri (Pembantu Kemahiran), Bedrul Hisham Abu Bakar (Pembantu Awam), Mohd Sabri Mokhtar (Pembantu Awam), Mohd Bekri Zakaria (Pembantu Awam), dan Azim Alias (Pembantu Awam).

